



KUPASAN MUTU JAWAPAN

SEJARAH 2
1249/2

SPM
2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran : 1249/2
Bentuk Ujian : Ujian Subjektif
Markah Penuh : 100
Masa : 2 jam 30 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A : Mengandungi 4 soalan struktur.
Semua soalan wajib dijawab.
Setiap soalan 10 markah.

Bahagian B : Mengandungi 5 soalan esei.
Jawab 3 soalan sahaja.
Setiap soalan 20 markah

Konstruk yang diukur ialah :

- Pengetahuan
- Kemahiran mengaplikasi dan menganalisis

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, prestasi calon pada tahun ini adalah kurang cemerlang berbanding tahun sebelumnya. Calon masih mampu memberikan jawapan yang menunjukkan kematangan kerana memberikan idea dan fakta yang tepat. Bahasa yang digunakan oleh calon mudah difahami. Calon berjaya menjawab dengan baik soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK). Namun, masih terdapat calon yang tidak menguasai fakta sejarah.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Tinggi

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini adalah tepat mengikut kehendak tugas. Calon dapat menguasai fakta sejarah dan memberikan huraian beserta contoh yang tepat, teratur dan kemas. Calon dapat menjawab soalan KBKK kerana dapat mengaplikasikan konsep dan pemikiran sejarah. Selain itu, jawapan calon dapat mengaitkan pengalaman kehidupan dalam konteks sejarah.

Kumpulan Sederhana

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini masih tepat tetapi hanya mampu memenuhi sebahagian daripada kehendak tugas. Calon masih menguasai fakta sejarah tetapi huraian beserta contoh tidak tepat dengan kehendak tugas. Jawapan yang diberi berulang-ulang dan fakta yang dikemukakan tidak memenuhi kehendak tugas. Pengetahuan am calon tidak meluas menyebabkan jawapan yang diberi tidak dapat mengaitkan pengalaman hidup dalam konteks sejarah untuk menjawab soalan KBKK.

Kumpulan Rendah

Secara keseluruhannya jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini bersifat umum, tidak tepat dengan kehendak tugas. Calon tidak menguasai fakta sejarah menyebabkan jawapan calon tidak relevan. Jawapan yang diberi terpesong daripada kehendak tugas. Malahan ada juga calon yang hanya menyalin semula soalan. Terdapat juga jawapan yang terlalu ringkas kerana tidak memahami format penulisan esei. Jawapan calon juga gagal menunjukkan kematangan kemahiran berfikir untuk menjawab soalan KBKK.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

1 Tamadun Rom mewariskan sistem pemerintahan republik kepada dunia.

(a) Jelaskan maksud sistem pemerintahan republik.

Tugasan meminta calon mengemukakan maksud sistem pemerintahan republik.

Sistem pemerintahan republik bermaksud kuasa tertinggi terletak di
Presiden. Pilihan raya diadakan untuk memilih presiden.

Calon dapat menjelaskan maksud sistem pemerintahan republik dengan tepat.

Pemerintahan yang bersifat adil kerana tiada pihak yang
diberikan kuasa mutlak untuk memerintah.

Penjelasan mengenai maksud sistem pemerintahan republik yang dikemukakan oleh calon hanya memenuhi sebahagian daripada kehendak tugas.

ialah satu sistem diamalkan oleh setiap
Pemimpin tamadun rom

Jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak memenuhi kehendak tugas. Calon menyatakan sistem republik ini diamalkan oleh setiap pemimpin.

(b) Bagaimanakah sistem pemerintahan republik yang diamalkan di Rom?

Tugasan tertumpu kepada cara pengamalan sistem pemerintahan republik di Rom.

Pemerintahan diketuai oleh dua orang konsul dan dibantu oleh
Dewan Senat. Dua orang konsul dilantik untuk mengimbangi kuasa
dan Dewan Senat membantu dalam pentadbiran
serta merangka undang-undang.

Calon dapat menyatakan dengan jelas dan tepat cara pengamalan sistem pemerintahan republik di Rom. Hampir semua fakta yang berkaitan dengan cara pengamalan sistem pemerintahan republik dapat dikemukakan oleh calon.

Terdin daripada dua orang konsul.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon hanya tertumpu kepada ciri asas cara pengamalan sistem pemerintahan republik di Rom iaitu pelantikan dua konsul.

Melalui ~~ekonomi~~ ekonomi

Calon gagal membeza antara konsep ekonomi dengan sistem politik yang menyebabkan jawapan yang dikemukakan terpesong daripada kehendak tugasan.

(c) Senaraikan **dua** buah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan republik sekarang.

- (i)
- (ii)

Tugasan meminta calon menyenaraikan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan republik pada masa kini.

- (i) Indonesia
- (ii) Amerika Syarikat

Calon dapat menyenaraikan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan republik tepat.

- (i) India
- (ii) Afrika

Calon hanya dapat menyenaraikan satu negara sahaja yang mengamalkan sistem pemerintahan republik iaitu India. Negara kedua yang dikemukakan oleh calon merujuk kepada sebuah benua.

- (i) Eropah
- (ii) Brunei

Kedua-dua negara yang dikemukakan oleh calon tidak menepati kehendak tugasan. Brunei mengamalkan sistem pemerintahan beraja dan Eropah adalah sebuah benua.

(d) Bagaimanakah sistem republik diamalkan di negara dalam 1(c)(i) dan 1(c)(ii)?

Tugasan menghendaki calon menjelaskan cara pengamalan sistem pemerintahan republik di negara-negara yang mengamalkannya pada masa kini.

Pentadbiran negara tersebut diterajui oleh presiden yang dilantik oleh rakyat dan negara tersebut tidak mempunyai raja.

Calon mampu menyatakan cara pengamalan sistem pemerintahan republik di negara-negara yang mengamalkannya pada masa kini.

Akan mengadakan demokrasi dan pilihan raya.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon hanya menepati sebahagian daripada cara pengamalan iaitu mengadakan pilihan raya.

- menyogut suara rakyat supaya dapat mengamalkan sistem republik.

- membuat perjanjian.

- mentadbir dengan cara yang betul.

Kesemua cara yang dikemukakan oleh calon tidak menunjukkan pengamalan sistem pemerintahan republik pada masa kini. Penguasaan bahasa yang lemah menyebabkan calon gagal menjelaskan cara pengamalan sistem pemerintahan tersebut.

(e) Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Mengapakah sistem tersebut sesuai dilaksanakan di negara kita? Berikan penjelasan anda.

Tugasan meminta calon menjelaskan sebab sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sesuai dilaksanakan di Malaysia.

Sistem tersebut sesuai kerana raja berperlembagaan bertindak mengikut undang-undang dan menjamin kepuasan semua pihak. Negara kita mengamalkan demokrasi berparlimen apabila wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, mewakili rakyat dalam parlimen dan ini juga menyebabkan rakyat berpuas hati.

Calon dapat menyenaraikan dengan tepat sebab sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sesuai dilaksanakan di Malaysia.

Kerana mempunyai tiga buah kaum yang bersatu-padu semasa melakukan sesuatu perkara.

Calon hanya mengemukakan satu sebab yang tepat.

Sistem tersebut sesuai dilaksanakan di negara kita ialah ia mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon sekadar menyalin semula soalan. Ini menunjukkan calon tidak memahami konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Soalan 2

2 Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, oleh Khulafa al-Rasyidin.

(a) Jelaskan maksud khalifah.

Tugasan meminta calon menjelaskan maksud khalifah.

Khat Dalam konteks bahasa Arab, Arab, khalifah bermaksud pengganti yang melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dan pentadbiran yang dijalankan oleh Nabi Muhammad. Dalam konteks agama, khalifah bermaksud pengganti yang bertanggungjawab memelihara kemurniaan ajaran Islam.

Calon dapat mengemukakan maksud khalifah dari sudut bahasa dan istilah sejarah dengan tepat.

Maksud khalifah ialah kepemimpinan ^{khulafa} ~~khuta~~ al-Rasyidin dalam negara Islam.

Maksud khalifah yang dikemukakan oleh calon hanya tertumpu kepada sudut kepimpinan seorang khalifah.

khalifah ialah seorang ~~to~~ yang beramanah dan ~~bertat~~ bercekap adil.

Jawapan calon terpesong kerana calon mengemukakan ciri-ciri seorang pemimpin yang baik dan bukannya maksud khalifah.

(b) Nyatakan **dua** syarat menjadi khalifah.

Tumpuan tugas ialah meminta calon menyatakan syarat menjadi khalifah

- (i) Seorang lelaki yang beragama Islam
- (ii) Seorang yang warak

Syarat untuk menjadi seorang khalifah yang dikemukakan oleh calon adalah tepat dan jelas sebagaimana yang dikehendaki oleh tugas.

- (i) ~~Berta bersikap~~ Bekerjasama
- (ii) Adil

Calon hanya mampu mengemukakan satu syarat sahaja iaitu adil.

- (i) Musyawarah dan Syura
- (ii) cadangan calon terhadap khalifah terdahulu

Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan. Calon mengemukakan cara pelantikan seorang khalifah sedangkan tugas meminta syarat untuk menjadi khalifah.

(c) Senaraikan **dua** tugas khalifah.

Fokus tugas ialah menyenaraikan tugas seorang khalifah.

- Khalifah harus
- (i) menjaga keamanan rakyat dan negara.....
 - (ii) ~~Meneruskan~~ Khalifah harus meneruskan ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad.
 - (iii) khalifah bertanggungjawab membentuk masyarakat yang bersatu padu.

Respon yang dikemukakan oleh calon adalah tepat dengan kehendak tugas. Ini menunjukkan calon memahami dengan jelas peranan seorang khalifah.

- (i) Menyebarkan agama Islam.....
- (ii)

Tugas seorang khalifah yang dikemukakan oleh calon menepati sebahagian daripada kehendak tugas iaitu peranan menyebarkan agama Islam.

- (i) melakukan tugas yang diberi.....
- (ii) melakukan kehendak rakyat.....

Semua peranan khalifah yang disenaraikan oleh calon adalah bersifat umum dan tidak berkaitan dengan peranan seorang khalifah.

- (d) Jelaskan ciri kepemimpinan Khalifah Islam pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin yang wajar dicontohi oleh pemimpin masa kini.

Calon dikehendaki menjelaskan ciri kepemimpinan Khalifah Islam pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin yang boleh dicontohi oleh pemimpin pada masa kini.

Pemimpin harus sentiasa bersikap adil terhadap rakyat agar semua pihak berpuas hati. Pemimpin juga harus sentiasa berwawasan untuk membangunkan negara agar lebih maju. Pemimpin juga harus bertanggungjawab tentang rakyatnya bagi menjamin keamanan negara.

Jawapan di atas dapat menjelaskan ciri-ciri kepemimpinan Khalifah Islam yang boleh dicontohi oleh pemimpin masa kini berserta huraian yang jelas.

Sanggup berkorban diri apabila berlaku sesuatu yang membahayakan diri.

Calon hanya mengemukakan sebahagian daripada ciri kepemimpinan tanpa huraian.

Ciri kepemimpinan Khulifah Islam pada zaman pemerintahan
Khulafa al-Rasyidin yang wajar dicontohi ialah sifat
inkuiri. Khulifah Islam bersifat inkuiri untuk
menyempurnakan agama Islam.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak menepati kehendak tugas. Penjelasan oleh calon adalah tidak jelas.

(e) Jelaskan kebaikan pengamalan ciri kepemimpinan Khulafa al-Rasyidin sekiranya diamalkan oleh pemimpin-pemimpin dunia masa kini.

Tugas meminta calon menjelaskan kebaikan daripada pengamalan ciri-ciri kepemimpinan Khulafa al-Rasyidin jika diamalkan oleh pemimpin dunia masa kini.

Negara-negara yang diperintah oleh pemimpin masa kini
akan menjadi aman damai, rakyat negara-negara tersebut
juga akan menyokong dasar yang diperkenalkan oleh pemimpin.
Negara-negara yang diperintah oleh pemimpin-pemimpin
dunia masa kini akan menjadi sebuah negara maju.

Calon dapat mengemukakan pendapat yang bernas berkaitan dengan kebaikan pengamalan ciri-ciri kepemimpinan Khulafa al-Rasyidin jika diamalkan oleh pemimpin masa kini.

Pengamalan ciri kepemimpinan Khulafa al-Rasyidin
dapat memajukan sesebuah negara. Pemimpin-pemimpin
dunia masa kini yang bersifat inkuiri akan
meneliti pelbagai jalan untuk memajukan negara.

Tumpuan calon hanyalah kepada aspek pembangunan negara saja tanpa huraian yang jelas.

Pengamalan khulafa al-Rasyidin tidak akan terpusus dan akan berterus sehingga pada masa akan datang.

Jawapan calon tidak memenuhi kehendak tugas kerana penjelasan oleh calon tidak berkaitan dengan kebaikan pengamalan ciri-ciri kepemimpinan seorang khalifah.

Soalan 3

3 Imperialisme merupakan istilah umum bagi merujuk kepada penjajahan dan penguasaan terhadap negara-negara kecil oleh kuasa-kuasa asing bagi kepentingan ekonomi dan politik.

Sumber : <http://ms.wikipedia.org/wiki/Imperialisme>

(a) Namakan **dua** kuasa Barat yang terlibat dengan kegiatan imperialisme.

Tugas meminta calon menyenaraikan kuasa Barat yang terlibat dengan kegiatan imperialisme.

(i) British

(ii) Belanda
Perancis

Calon dapat menyenaraikan kuasa Barat yang terlibat dengan tepat.

(i) British

(ii) Jepun

Calon hanya dapat menyenaraikan sebuah sahaja kuasa Barat yang terlibat. Sebuah lagi kuasa yang disenaraikan oleh calon iaitu Jepun bukan merupakan kuasa Barat.

(i) Suruhanjaya Reid

(ii) ~~PM~~ UMNO

Jawapan calon terpesong. Ini diakibatkan oleh kegagalan calon memahami konsep kuasa Barat.

(b) Kuasa Barat menjadikan slogan **Beban Orang Putih dan Tugas Menyebarkan Tamadun** sebagai alasan mereka untuk menguasai negara lain.

Beri komen anda terhadap pernyataan tersebut.

Tumpuan tugas ialah meminta calon untuk membuat komen terhadap dua slogan yang digunakan oleh kuasa Barat sebagai alasan untuk menjajah.

Saya menyokong pernyataan tersebut. Kuasa barat menggunakan alasan lebih bertamand daripada negara lain untuk mengeksploitasi kekayaan bahan mentah negara lain. Selain itu, kuasa barat tidak menjalankan pentadbiran seperti di negara merdeka sendiri. Sebaliknya mereka menjalankan dasar pecah dan perintah serta bergilik kariah

Jawapan di atas memberi komen yang bernas berserta huraian yang jelas. Gaya bahasa yang digunakan menunjukkan calon memahami kehendak tugas.

- Supaya rakyat negara itu akan tertarik dengan slogan yang dihyakan.

- Rakyat akan menerima kuasa barat itu dengan sukarela.

Calon hanya mampu menyenaraikan dua komen terhadap slogan dengan gaya bahasa yang sederhana.

Memasuki negara lain tanpa kebenaran mereka, dengan memasuki dengan slogan didi ditubuhkan

Komen yang dikemukakan calon tidak relevan. Ini kerana calon gagal memahami slogan yang dikemukakan dalam soalan.

(c) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran imperialisme Barat?

Tugas meminta calon menyatakan sebab Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran penjajah Barat.

Persekutuan Tanah Melayu menjadi sasaran kerana kaya dengan bijih timah British yang mengalami Revolusi Perindustrian memerlukan bekalan bahan mentah secara konsisten khususnya untuk proses mengetin makanan. Sarawak dan Sabah pula menjadi sasaran kerana kaya dengan sumber kayu balak.

Calon berjaya menyatakan sebab dan alasan yang munasabah Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran penjajah Barat.

Persekutuan Tanah Melayu Sarawak dan Sabah menjadi sasaran imperialisme Barat ialah istilah umum bagi merujuk kepada penjajahan dan penguasaan negara-negara kecil.

Calon hanya dapat menyenaraikan satu alasan sahaja yang berkaitan ekonomi iaitu untuk menguasai pelabuhan.

untuk menguasai pelabuhan mereka dan merampas ~~kekuasaan~~ kekuasaan mereka.

Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan kerana alasan yang dikemukakan oleh calon merupakan ulasan kepada pernyataan soalan.

(d) Adakah imperialisme masih berlaku pada abad ini?

Berikan penjelasan anda.

Tumpuan tugas menghendaki calon menyatakan pendiriannya berserta alasan samada imperialisme masih berlaku atau tidak pada masa kini.

Imperialisme tidak berlaku lagi. Hal ini demikian kerana terdapat Piagam Atlantik 1945 yang tidak menggalakkan aktiviti penjelajahan dan penemuan. Selain itu bus untuk menjalankan imperialisme pada abad ini lebih mahal daripada melabur atau membeli barangan daripada negara lain. Oleh itu kuasa keson abad ini tidak menjalankan imperialisme, sebaliknya berdagang dengan negara lain.

Jawapan yang diberi berjaya menyatakan pendiriannya. Pendirian yang dikemukakan oleh calon disertakan dengan huraian yang tepat.

Pada pendapat saya, pada zaman moden ini imperialisme tidak lagi berlaku.

Jawapan di atas hanya menyatakan pendiriannya sahaja iaitu imperialisme sudah tidak berlaku pada masa kini tetapi tidak mengemukakan sebarang alasan yang menyokong pendirian itu.

- Imperialisme pada abad ini ialah kemajuan sesebuah negara.
- Penggunaan hasil bumi dengan bijak dan dapat menandatangani keuntungan.

Calon tidak memahami kehendak tugas. Oleh kerana itu, calon gagal mengemukakan pendirian sebagaimana yang diminta oleh tugas.

Soalan 4

4 Sukan Malaysia (SUKMA) adalah satu acara sukan peringkat kebangsaan di bawah anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia, Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Universiti Malaysia, dan Majlis Sukan Polis Diraja Malaysia.

SUKMA merupakan kejohanan beraneka sukan (*multi-sports competition*) dan berkonsepkan Mini Sukan Olimpik di Malaysia yang melibatkan atlet remaja. SUKMA dianjurkan bagi mencungkil bakat atlet-atlet remaja di peringkat negeri dan daerah. Kejohanan ini menggalakkan penglibatan secara mendalam dalam sukan yang dipertandingkan.

(a) Mampukah SUKMA menjadi alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia?

Berikan hujah anda.

Tugas meminta calon menilai berserta alasan samada SUKMA mampu atau tidak sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia.

Sukma merupakan alat rakyat berbilang kaum menyokong pasukan masing-masing. Rakyat berbilang akan berkumpul di suatu tempat untuk menyokong pasukan mereka dan hubungan erat akan terbentuk dalam rakyat berbilang kaum. Rakyat berbilang kaum sudah tentu bertukar pandangan tentang sukma dan ini dapat membentuk perpaduan sesama mereka.

Calon berjaya menyatakan pendiriannya iaitu SUKMA mampu menyatupadukan rakyat Malaysia. Pendirian yang dikemukakan telah disokong dengan hujah yang munasabah.

Sukma mampu menjadi alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia kerana atlet mereka datang daripada pelbagai kaum selain itu, sukma datang daripada pelbagai peringkat umur.

Jawapan di atas juga berjaya menyatakan pendirian iaitu SUKMA mampu menyatupadukan rakyat Malaysia. Hujah yang dikemukakan calon bagi menyokong pendiriannya hanya memenuhi sebahagian daripada kehendak tugas.

ya, boleh menarik minat mereka, boleh
meningkatkan kemahiran mereka, memberi
kekuatan dalam hidup mereka.

Jawapan calon hanya menyatakan pendirian tanpa menyertakan hujah bagi menyokong pendirian tersebut.

(b) Selain daripada mencungkil bakat, apakah rasional SUKMA hanya melibatkan atlet remaja dalam semua acara yang dipertandingkan?

Tumpuan tugas ialah meminta calon menyatakan rasional SUKMA hanya melibatkan atlet remaja sahaja.

Rasionalnya adalah untuk ~~memf~~ memupuk integrasi dan
perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa.
Selain itu, atlet berwibawa yang boleh bertanding dalam
sukan berperingkat antarabangsa dapat dilahirkan SUKMA
ini juga adalah untuk melahirkan remaja yang seimbang
pencapaiannya dalam bidang akademik dan sukan
SUKMA juga boleh menambahkan pengalaman seorang atlet.

Calon berjaya mengemukakan hujah bagi merasionalkan SUKMA hanya melibatkan atlet remaja sahaja.

untuk menubuhkan semangat yang teras
dalam hati atlet remaja, dan untuk
meningkatkan nama negara

Hujah yang dikemukakan oleh calon bagi merasionalkan SUKMA melibatkan atlet remaja tidak memenuhi kehendak tugas.

Rasional SUKMA hanya melibatkan atlet remaja dalam semua
acara yang dipertandingkan ialah larian badminton hoki
dan sebagainya.

Respon calon terhadap tugas tidak relevan. Calon hanya menyenaraikan jenis-jenis sukan yang dipertandingkan.

(c) SUKMA boleh menyumbang ke arah memajukan sukan di Malaysia.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

Tugasan meminta calon menyatakan hujah bagi menyokong pernyataan bahawa SUKMA boleh menyumbang kepada pembangunan sukan di Malaysia.

sukma boleh melahirkan atlet profesional yang boleh bertanding
di peringkat antarabangsa. Sukma menyediakan kualiti pertandingan
yang setaraf dengan peringkat antarabangsa. Keyakinan diri
dikan wujud dalam diri atlet untuk memaparkan prestasi yang
baik. sukma merupakan platform yang membolehkan
atlet bersedia menghadapi cabaran.

Calon berjaya menyatakan hujah berserta dengan alasan yang munasabah bagi menyokong pernyataan tersebut. Gaya bahasa yang digunakan menarik.

SUKMA menyumbang ke arah memajukan sukan di Malaysia ialah
diberi sokongan dalam menyertai acara yang dipertandingkan.
Selain itu untuk mewujudkan masyarakat dalam melibatkan di
dalam acara Olimpik.

Hujah yang dikemukakan calon bagi menyokong pernyataan tersebut hanya memenuhi sebahagian daripada kehendak tugas.

Ini dapat dibuktikan dengan pernyataan dari negara-negara lain yang
mempunyai pelbagai kemahiran di dalam setiap acara sukan.
Sukan Malaysia juga memperoleh pendapatan yang tinggi disamping
dapat menyumbang kewangan dalam ekonomi negara.

Hujah yang dikemukakan calon tidak memenuhi sepenuhnya kehendak tugas. Ini kerana calon tidak dapat menjelaskan faedah yang diperoleh bagi pembangunan sukan di Malaysia.

Soalan 5

5 Tamadun berasal dari perkataan Arab, iaitu madana, mudun dan madain yang bererti pembukaan bandar atau masyarakat yang mempunyai kemajuan dari segi lahiriah dan rohaniah. Perkataan tamadun dapat diertikan kepada keadaan hidup bermasyarakat yang bertambah maju.

(a) Jelaskan ciri-ciri tamadun.

Tugasan meminta calon menjelaskan ciri-ciri tamadun.

5. a) Antara ciri-ciri tamadun ialah sistem tulisan. Tulisan telah wujud melalui tamadun seperti Hieroglif. Seterusnya, agama dan kepercayaan terhadap kepercayaan tentang menyembah lebih dari satu tuhan mati dan kehidupan selepas kematian dari Tamadun Indus. Di samping itu, corak pemerintahan Tamadun Indus mengamalkan raja bertuasa mutlak. Namun telah diubah semasa pemerintahan Asoka yang hanya menyebarkan pengaruh dengan agama Hindu Buddha tanpa pertumpahan darah.

Calon dapat mengemukakan fakta dan huraian yang tepat dan lengkap. Contohnya, ciri tamadun yang diberi ialah sistem tulisan beserta dengan huraian iaitu hieroglif.

5. a) Ciri-ciri tamadun ialah dari segi keagamaan. Mereka mengamalkan pelbagai agama, seperti menyembah buan dan makhluk, menyembah perak dan percaya kehidupan selepas mati. Tamadun juga mempunyai seni bina yang megah dan megah. Mereka mempunyai kemahiran dan menggunakan batu baja dan tanah liat.

Calon hanya dapat mengemukakan satu ciri tamadun sahaja beserta dengan huraian yang lengkap.

(a) Ciri-ciri tamadun ialah tamadun yang hidup dalam keadaan bertesebafahaman. Selain itu, tamadun juga hidup dalam keadaan yang harmoni dan tidak berpecah belah. Seterusnya, ciri-ciri tamadun ialah mengamalkan sifat muayawarah dan tidak memeringatkan diri sendiri. Akhir ~~sebagai~~ setali.

Jawapan di atas terpesong daripada kehendak tugas. Calon tidak menjawab ciri-ciri tamadun. Sebaliknya, calon menerangkan tentang kehidupan masyarakat pada masa itu.

(b) Sejarawan berpendapat bahawa tamadun terawal manusia muncul di kawasan Mesopotamia. Terangkan keistimewaan kawasan tersebut.

Tugas menghendaki calon menerangkan keistimewaan yang terdapat di kawasan Mesopotamia.

b) Keistimewaan kawasan Mesopotamia, ialah, kawasan tersebut, terletak di antara sungai Euphrates dan Sungai Tigris. kawasan yang strategik itu memudahkan masyarakat tamadun Mesopotamia untuk memperoleh sumber air untuk kepentingan tertentu. Selain itu, kawasan Mesopotamia terbahagi kepada beberapa negara kota, Setiap negara kota di tamadun Mesopotamia mempunyai pintu gerbang yang terdiri daripada pelbagai bentuk ~~bertujuan~~ bertujuan untuk melambangkan kekayaan negara kota. kemudian, sungai di kawasan Mesopotamia, sesuai digunakan untuk tujuan pengangkutan dan perhubungan barang disebabkan oleh Sungai yang panjang. Seterusnya, kawasan Mesopotamia sesuai dijadikan sebagai kawasan pertanian

Jawapan calon dapat menerangkan keistimewaan kawasan Mesopotamia dengan jelas dan tepat seperti kehendak tugas. Antaranya calon berjaya menerangkan keistimewaan Mesopotamia dari sudut geografi.

(b) Keistimewaan kawasan tersebut ialah mempunyai tanah yang subur. Selain itu, boleh melakukan aktiviti penangkapan ikan. Di samping itu, boleh menjalankan aktiviti bercucuk tanam. Seterusnya ialah mempunyai kedudukan yang strategik. Tambahan pula, boleh melakukan aktiviti memburu binatang di hutan. Akhir sekali, bekalan makanan dapat dijamin dengan berterusan.

Jawapan di atas hanya dapat mengemukakan sebahagian daripada kehendak tugas. Calon mengemukakan fakta tanpa huraian.

(b) Keistimewaan kawasan Mesopotamia ialah masyarakat yang bekerja untuk membina bangunan di sekeliling mereka. Selain itu, bangunan pada kawasan Mesopotamia sangat strategik dan unik. Seterusnya kawasan Mesopotamia istimewanya kerana mempunyai pusat pembelajaran yang tersendiri. Tamadun Mesopotamia juga mempunyai kubu untuk pertahanan dari peperangan.

Calon hanya dapat mengemukakan dua fakta tanpa huraian.

(c) (i) Sejauh manakah Tamadun Mesopotamia telah menyumbang kepada tamadun dunia?

Tugas meminta calon membuat penilaian terhadap sumbangan tamadun Mesopotamia kepada peradaban dunia.

(i) Antara sumbangan tamadun Mesopotamia ialah Kod Undang-Undang Hammurabi.

Terdapat 282 pasal yang terkandung dalam undang-undang yang bersifat adil dan berbeza mengikut kelas.

Seterusnya, kalendar yang berasaskan sistem solar dicipta ^{dalam} tamadun Mesopotamia & hasil ilmu astronomi dan matematik.

Kalendar ini mengikut ~~titah~~

Di samping itu, ubat-ubatan juga telah dikategorikan dan dipatenkan untuk kegunaan masyarakat tamadun ~~Arsip~~ Mesopotamia.

Selain itu, ~~pen~~ penciptaan roda ~~pada zaman~~ dalam tamadun Mesopotamia membolehkan kere kenderaan untuk bergerak.

Penciptaan roda menyebabkan bertakunya penciptaan kincir air untuk mengairi kawasan pertanian dan mengawal banjir.

Selanjutnya, ilmu seni bina yang dapat menghasilkan patung-patung yang mempunyai kesenian yang halus seperti arca patung Raja Gudea.

Jawapan yang diberi di atas dapat mengenal pasti sumbangan tamadun Mesopotamia kepada peradaban dunia. Fakta, huraian dan contoh diterangkan dengan jelas dan tepat. Contohnya, tamadun Mesopotamia telah menghasilkan roda yang digunakan untuk membuat kenderaan dan kincir air.

(i) Sumbangannya ialah sistem tulisan yang diguna hingga sekarang. Kegunaan roda dan ~~digunakan~~ diguna pakai hingga sekarang. Sistem pendidikan yang luas digunakan hingga sekarang. Kepimpinan berkesan dan digunakan beberapa negara.

Calon hanya mengemukakan dua sumbangan tamadun Mesopotamia tanpa huraian.

(c) (i) Tamadun Mesopotamia telah menyumbang kepada tamadun dunia ialah banyak kapal yang dibuat oleh masyarakat. Selain itu, banyak pembangunan yang telah dibina. Di samping itu, pembangunan yang dibina dengan struktur yang baik. Kapal yang dibuat memudahkan menjalankan perdagangan.

Calon mengemukakan fakta yang tidak berkaitan dengan kehendak tugas.

(ii) Kemunculan dan kejatuhan sesebuah tamadun berlaku dalam sejarah.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku?

Tugas meminta calon mengemukakan faktor-faktor kemunculan dan kejatuhan sesebuah tamadun.

ii- Pada pendapat saya, keadaan ini berlaku kerana ancaman dari pihak luar. Selain itu, pemimpin tidak melaksanakan tugas dengan ikhlas menyebabkan sesebuah tamadun jatuh. Kelemahan sistem ketenteraan gagal mempertahankan tamadun daripada musuh. Rakyat tidak bersatu padu dalam membangun tamadun. Ketidakstabilan politik mengakibatkan sesebuah tamadun jatuh. Ini merupakan keadaan yang menyebabkan kejatuhan tamadun.

Keadaan yang menyebabkan kemunculan sesebuah tamadun ialah kedudukan yang strategik. Kebijakan pemimpin mengatur strategi. Sikap bekerjasama antara masyarakat.

Jawapan di atas dapat mengemukakan faktor kejatuhan dan kemunculan sesebuah tamadun dengan tepat.

6a) Cara Islam disebarkan di Asia Tenggara ialah melalui perdagangan. Ini dibuktikan dengan ciri-ciri Islam di pelabuhan. Seterusnya ialah perpindahan beramai-ramai orang Islam ke Asia Tenggara seperti Perkampungan Ta Shih di Sumatera. Selanjutnya ialah perkahwinan antara pedagang Islam dengan penduduk tempatan. Selain itu, peranan mubaligh Islam dalam menyebarkan dakwah. Di samping itu, perluasan kuasa oleh kerajaan Islam. Akhir sekali ialah, cara berhemah, lembut, bertoleransi, dan berakhlak yang menarik penduduk Asia Tenggara untuk memeluk Islam. Selanjutnya ialah, rakyat mengikut sultan yang telah di Islam kerana taat setia. Akhir sekali ialah, cara hidup Islam dan perse konsep persamaan taraf menarik penduduk Asia Tenggara memeluk Islam.

Pelbagai cara Islam disebarkan ke Asia Tenggara telah diuraikan oleh calon dengan jelas. Antara caranya melalui perkahwinan.

a) Islam disebarkan di Asia Tenggara dengan cara mengislamkan pemimpin negara tersebut. Dengan itu, rakyat akan turut masuk Islam kerana taat akan pemimpinnya. Selain itu Islam disebarkan dengan cara perkahwinan. Orang Islam yang bertakwin dengan orang bukan Islam hendaklah membawa pasangannya dan keluarga pasangannya untuk memeluk Islam. Islam juga menggunakan cara memberi dakwah secara terang-terangan.

Calon hanya mengemukakan dua fakta berserta dengan huraian yang jelas.

a) Islam diperbarkan di Asia Tenggara melalui dakwah. Terdapat dua jenis dakwah, iaitu secara terbuka dan secara tertutup. Dakwah secara tertutup hanya dikalangan para sahabat dan ahli keluarga. Dakwah secara terbuka kepada seluruh umat Islam. Islam diperbarkan dalam aktiviti perdagangan. Barangan yang didagang seperti perkhidmatan yang berkaitan dengan Islam. Nabi Muhammad s.a.w telah mengebarkan dakwah agama Islam kepada para-para pembesar. Apabila para pembesar memasuki Islam, rakyat mula mencantahi pembesar mereka. Orang Islam menyebarkan menggunakan ayat al-Quran.

Calon hanya mengemukakan satu fakta sahaja tanpa huraian.

(b) Islam telah mengubah sistem politik di Asia Tenggara.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

Tugasan meminta calon membuktikan kedatangan Islam telah mengubah sistem politik di Asia Tenggara.

cb) Bukti Islam telah mengubah sistem politik di Asia Tenggara ialah penggunaan perkataan raja ditukarkan dengan sultan. Selain itu, hukum riba dihapuskan dalam perniagaan. Pembesar-pembesar melakukan tugas mengikut syariat Islam. Selain itu, kesetiaan rakyat kepada pembesar meningkat. Sultan melakukan tugas dengan adil dan amanah. Selain itu Maulana dilantik sebagai penasihat Sultan.

Calon telah membuktikan bahawa perubahan politik telah berlaku di Asia Tenggara akibat kedatangan Islam. Fakta telah dihuraikan dengan jelas.

b) Islam telah mengubah sistem politik di Asia Tenggara
 buktinya telah wujudnya sistem pemerintahan yang berdasarkan
 Islam dan adil. Selain itu, sistem politik dapat dilaksanakan
 dengan adil dan amanah. Sistem politik berpatrik
 berdasarkan hukum syariat Islam. Sistem politik yang
 lebih maju. Sistem politik yang jujur dan melaksanakan
 urusan politik.

Calon mengemukakan dua bukti tanpa huraian.

b) Islam telah ~~menyebabkan~~ mengubah sistem politik di Asia Tenggara
 kerana sistem politik menjadi lebih adil dan amanah. Sistem
 politik menerapkan keadilan antara rakyat dan pembesar. Sistem politik
 mengikut ajaran Islam dan ~~al-Quran~~ al-Quran. Tiada unsur rasuah.
 Tidak melibatkan perkhidmatan dajal. Mentadbir ~~menurut~~ mengikut undang-undang
 negara.

Calon hanya mengemukakan satu fakta dan fakta tersebut diulang semula.

(c)(i) Walaupun sejarah telah membuktikan bahawa Islam tersebar secara aman,
 tetapi masih terdapat tohmahan yang mengatakan Islam tersebar
 melalui kekerasan.
 Mengapakah tohmahan tersebut wujud?

Tugasan meminta calon menyatakan sebab wujud tohmahan yang mengatakan Islam
 tersebar melalui keganasan.

c) Tohmahan mengenai Islam wujud kerana sikap orientalis Barat yang suka memburukkan Islam dan sering menyebarkan fitnah mengenai Islam. Sebin itu, mereka mendakwa peristiwa 11 September 2001 di angkara militon Islam. Seterusnya, mereka melihat sunnah berjagat itu seperti pengganas. Seterusnya, Orang awam sekadar mempercayai apa sahaja yang disampaikan oleh ibu atau nenek moyang mereka tanpa mengkaji dengan mendalam tentang Islam. Selain itu, propoganda Barat lebih suka menghebohkan ajaran Islam yang salah seperti ~~St~~ Syiah yang menggunakan kekerasan. Selain itu, orang awam tidak memahami 3 tiga syarat jika Islam tebh berjaya menakluk sesuatu kawasan iaitu memeluk Islam, bayar cukai kemudian barulah berperang. Akhir sekali ialah anak-anak kecil telah didoktrin mindanya oleh ibu-bapa bahawa Islam adalah pengganas.

Calon menjawab dengan mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan jelas. Fakta-fakta yang dikemukakan berdasarkan isu-isu semasa. Sebagai contoh, peristiwa 11 September 2001 dan Syiah.

c) Tohmahan tersebut wujud kerana sikap sesetengah manusia yang tidak menyelidik dahulu sebelum berkata. Selain itu, penentangan terhadap ajaran Islam sepertimana yang berkeku kepada Nabi Muhammad S.A.w. Tohmahan itu juga wujud kerana sesetengah manusia yang tidak dapat menerima ajaran Islam yang dianggap bertentangan dengan ajaran nenek moyang mereka.

Jawapan yang dikemukakan menjawab sebahagian daripada punca tohmahan dengan huraian yang ringkas.

c) i) Tomahan tersebut wujud mungkin disebabkan perang yang terdapat diantara orang islam dan orang kafir. Seperti perang ~~ku~~ Khandak dan sebagainya. Terdapat juga, perjanjian Hudaibiyah. Dimana Bani ~~thawma~~ Khuz'ah berperang dengan ~~se~~ orang Mekah Quraisy. Ini menyebabkan beberapa orang bani khuz'ah telah mati dalam peperangan. Ini akibat pembutaan ~~sem~~ semua kata mekah. Terdapat juga perang Badar dan lain-lain. -

Calon hanya menjelaskan peristiwa perang tanpa menyatakan sebab wujudnya tohmahan.

(ii) Islam merupakan agama Persekutuan di Malaysia. Agama lain boleh diamalkan.

Bagaimanakah pernyataan tersebut dapat mengekalkan keharmonian hidup masyarakat Malaysia sejak merdeka sehingga kini?

Tugasan meminta calon menyatakan Islam merupakan agama Persekutuan di Malaysia dan agama lain boleh diamalkan mampu mengekalkan keharmonian hidup masyarakat Malaysia

keharmonian hidup masyarakat Malaysia dapat dikekalkan kerana mempunyai kesetiaan yang betul bagi penduduk di Malaysia. Selain itu, kesetiaan dan bencintan penduduk kepada negara. Seterusnya, kebijaksanaan pemimpin dalam men-kaldir negara yang mempunyai pelbagai agama. Selain itu, saling memahami menghormati antara adat agama dan budaya masing-masing. Mewujudkan sifat ber-toleransi.

Jawapan yang diberi dapat mengemukakan pelbagai cara dalam usaha mengekalkan keharmonian hidup masyarakat Malaysia dengan jelas.

c) ii) Pernyataan tersebut bebas mengekalkan keharmonian dengan cara bertolak ansur dalam kebebasan beragama. Agama Islam sebagai agama persekutuan tetapi agama lain bebas untuk diamalkan. Selain itu, rakyat perlu bekerjasama dan bersatu padu tanpa mengira agama yang dianuti. Seterusnya, setiap agama perlu bertolak ansur dalam mengharmonikan hidup masyarakat. Seseorang itu perlulah tolong-menolong tanpa mengira agama yang diamalkan.

Calon mengemukakan tiga cara mengekalkan keharmonian hidup masyarakat Malaysia.

ii)	keranca agama Islam adalah agama yang adil. Selain itu, rakyat Malaysia tidak sekin dari melayu seperti Cina India dan lain-lain bebas untuk mengamalkan agama yang mereka ingin.
-----	--

Calon hanya mengemukakan satu cara mengekalkan keharmonian hidup masyarakat Malaysia.

Soalan 7

7 Revolusi Perindustrian telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat Eropah khususnya di Britain.

(a) Terangkan faktor yang menyebabkan Revolusi Perindustrian di Britain.

Tugasan meminta calon menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya Revolusi Perindustrian di Britain.

a) ~~Revolusi Perindustrian di Britain wujud~~ Faktor yang menyebabkan Revolusi Perindustrian di Britain ialah berlakunya Revolusi Pertanian. Pemilik tanah telah memagarkan tanah mereka daripada digunakan oleh rakyat biasa daripada melakukan pekerjaan mereka seperti bercucuk tanah, memancing dan lain-lain lagi. Pemilik tanah telah melakukan pertanian secara besar-besaran. Oleh itu, rakyat biasa telah menjadi buruh peladang. Selain itu, keuntungan yang dimiliki hasil daripada pertanian besar-besaran terhadap pemilik tanah sangat menguntungkan. Mereka telah melabarkannya ke dalam bidang perindustrian yang belum tentu lagi dapat memberikan pulangan yang lumayan. Di samping itu, wujudnya kilang yang membuat sutera kain, timah dan ~~menenun~~ menenun benang. Rakyat biasa telah berhijrah ke bandar untuk ~~menjadi~~ menjadi buruh kilang.

Calon berjaya menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya Revolusi Perindustrian di Britain dengan jelas.

e) Faktor yang menyebabkan Revolusi Perindustrian di Britain ialah pembukaan Terusan Suez. Selain itu, kemegahan sistem perhubungan dan pengangkutan seperti penciptaan telegraf dan kapal wap. Setemunya, gantikan raja-raja di Eropah kepada rakyat mereka untuk melakukan penjelajahan dan penerokaan melalui jalan laut. Oleh itu, masyarakat Eropah mencari tempat untuk meluaskan pasaran mereka. Setemunya, persaingan antar kuasa Barat untuk melakukan imperalisme.

Calon menerangkan dua faktor yang menyumbang kepada berlakunya Revolusi Perindustrian berserta satu huraian sahaja.

(a) Faktor yang menyebabkan Revolusi Perindustrian di Britain ialah wujud proses pengetinan makanan untuk meningkatkan kualiti produk atau makanan. Selain itu, Revolusi Perindustrian juga disebabkan oleh penciptaan barang-barang yang diperbuat daripada getah seperti tayar dan kasut getah.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak menepati kehendak tugas. Calon hanya menceritakan proses penghasilan barang-barang industri, bukannya faktor.

(b) Sejauh manakah revolusi tersebut membawa perubahan kepada masyarakat Britain?

Tugas meminta calon menyatakan perubahan yang berlaku terhadap masyarakat di Britain kesan daripada Revolusi Perindustrian.

b) Revolusi Perindustrian telah menyebabkan pembangunan infrastruktur dan kemajuan kepada rakyat masyarakat Britain. Hal ini kerana, aktiviti perindustrian memberi keuntungan kepada kerajaan British dengan banyak setali. Hal ini juga membawa kepada penciptaan teknologi-teknologi terbaru seperti motor dan kapal wap. Revolusi ini juga menghasilkan masyarakat yang berpendapatan tinggi dan sederhana serta membasmi kemiskinan dengan menyediakan peluang pekerjaan ke dalam bidang industri. Hal ini juga menjadikan warga Britain lebih berkemahiran dan berdaya saing.

Calon berjaya mengemukakan dua perubahan yang berlaku dalam masyarakat di Britain berserta dengan huraian yang lengkap.

Revolusi tersebut membawa banyak perubahan kepada masyarakat Britain. Britain telah menjadi negara pertama yang melakukan Revolusi Perindustrian. Selain itu, Britain dapat menguasai jalan perdagangan yang sebelum ini dikuasai oleh pedagang Arab. Seterusnya, Britain dapat menjelajah ke negara lain untuk menjamin pasaran yang luas dan mencari bahan mentah. Di samping itu, masyarakat Britain mempunyai kemampuan untuk membeli dengan harga yang murah. Ini disebabkan adanya lebih pengeluaran.

Calon hanya mengemukakan dua perubahan yang berlaku dalam masyarakat di Britain tanpa huraian.

Perubahan yang berlaku pada masyarakat Britain ketika itu ialah wujudnya golongan baron. Baron semakin bertambah kuat kerana petani terpaksa membayar cukai kepada golongan baron. Kuasa gereja semakin bertambah kukuh. Gereja juga berfungsi sebagai agen pernyetuan. Wujudnya golongan manerki baru.

Calon mengemukakan jawapan yang terkeluar daripada kehendak tugas. Calon menerangkan tentang ciri-ciri Zaman Gelap.

- (c) (i) Revolusi Perindustrian juga memberikan kesan kepada masyarakat di luar Eropah.
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

Tugas meminta calon membuktikan bahawa Revolusi Perindustrian memberikan kesan kepada masyarakat di luar Eropah.

c i) Revolusi Perindustrian memberi kesan kepada masyarakat di luar Eropah. Bukti-hnya, penduduk tempatan bagi negara yang dijajah terpaksa menerima sistem Birokrasi dan Undang-undang Barat. Selain itu, kekayaan hasil bumi diambil oleh penjajah untuk kepentingan mereka. Oleh itu, masyarakat luar Eropah ini akan ditindas oleh penjajah. Seterusnya, masyarakat akan terus hidup dalam ekonomi tradisional dan dalam kemiskinan. Seterusnya, revolusi ini menyebabkan agama Kristian tersebar secara meluas dan memberi kesan kepada masyarakat luar Eropah. Kemudian, revolusi ini ~~menyebabkan~~ dapat menimbulkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat di luar Eropah untuk membebaskan negara sendiri daripada penjajah.

Calon dapat memberikan fakta, huraian yang lengkap dan penguasaan bahasa yang baik.

(c)

(i) Revolusi perindustrian telah membawa ^{kesan} juga kepada masyarakat di luar Eropah. Hal ini kerana pengetahuan makanan memerlukan timah yang banyak dan untuk memperoleh sumber, bijih timah, mereka telah menjajah negara lain. Mereka menggunakan masyarakat di negara yang dijajah untuk menjadi kuli bagi ~~mene~~ melombong bijih timah, menanam pokok getah dan menoreh getah. Hasil yang mereka elapati tidak ~~dit~~ dibahagikan kepada pembesar tempatan malahan mereka menindas pembesar tempatan.

Calon dapat memberikan tiga kesan Revolusi Perindustrian ke atas masyarakat di luar Eropah.

Kesan revolusi industri kepada masyarakat luar eropah ialah mereka menjadi penakluk yang sombong, mereka tidak bergaul dgn masyarakat tempatan. gaya hidup mereka/ orang eropah sangat jauh berbeza dgn msykt tempatan. Orang eropah datang dengan ramainya menggunakan kapal wap melalui Terusan Suez yang baru dibina.

Calon memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak tugas. Calon memberikan kesan kehidupan masyarakat Eropah di dunia baharu.

(ii) Adakah kemajuan sektor perindustrian menjadi syarat untuk menjadi negara maju?

Berikan pendapat anda.

Tugas meminta calon menyatakan pendirian dan pendapatnya sama ada kemajuan sektor perindustrian menjadi syarat untuk menjadi negara maju.

(ii) kemajuan sektor perindustrian menjadi syarat untuk menjadi negara maju. Ini terbukti dengan keadaan zaman sekarang yang menjadi zaman globalisasi, Dunia tanpa sempadan ini memerlukan sektor perindustrian. Oleh itu, sektor perindustrian perlu maju. Contohnya industri kereta, industri kereta. Seterusnya, dengan majunya sektor perindustrian, negara dapat menjalinkan hubungan antarabangsa. Di samping itu, rakyat dapat mempunyai kuasa membeli. Selain itu, rakyat dapat menimba ilmu pengetahuan. Ini kerana wujudnya rakyat yang boleh mewujudkan rakyat yang berkemahiran tinggi dan kreatif serta inovatif.

Calon berjaya menyatakan pendirian dan memberikan pendapatnya dari pelbagai aspek dengan lengkap dan tepat bahawa kemajuan sektor perindustrian adalah syarat penting untuk menjadi sebuah negara maju.

(ii) Kemajuan sektor perindustrian tidak menjadi syarat untuk maju. Ini kerana dalam pertanian seperti tanaman padi, getah dan kelapa sawit sudah boleh memajukan negara sekiranya pihak kerajaan membuat tanaman secara besar-besaran. Hasil lebih tanaman dapat diperdagangkan kepada negara-negara lain dan akan mewujudkan perdagangan antarabangsa dan mampu memajukan ekonomi negara.

Jawapan yang diberi menyatakan pendirian dengan mengemukakan pendapatnya dari satu sudut sahaja bahawa sektor pertanian adalah penentu kemajuan sesebuah negara.

6. (ii) Untuk menjadi negara maju kita kena maju dalam industri. Untuk maju dalam industri rakyat mesti hormat kepada negara dan penumpun. Untuk maju dalam industri rakyat jangan laka. Untuk maju dalam industri rakyat perlu percaya pada agama.

12400-111

Jawapan hanya berjaya menyatakan pendirian tetapi pendirian tersebut tidak disokong dengan alasan yang munasabah.

Soalan 8

8 Dwiekonomi atau ekonomi duaan wujud pada zaman penjajah di negara kita.

(a) Terangkan maksud dwiekonomi atau ekonomi duaan.

Tugasan meminta calon memberikan maksud dwiekonomi.

8) Dwiekonomi bermaksud ^{dua} ekonomi yang masih dijalankan pada suatu masa. Dwiekonomi terbahagi kepada dua iaitu ekonomi sara diri dan ekonomi perdagangan. Ekonomi sara diri dilakukan di kawasan luar bandar manakala ekonomi perdagangan dilakukan di kawasan bandar.

Jawapan calon dapat menerangkan maksud dwiekonomi dengan tepat.

8a) ~~dua~~ Dwiekonomi atau ekonomi duaan bermaksud mempunyai 2 jenis ekonomi yang terdiri daripada ekonomi sara diri dan ekonomi ^{dagangan} perdagangan.

Calon hanya dapat menerangkan sebahagian daripada maksud dwiekonomi.

a) Dwiekonomi ^{atau} ~~atau~~ ekonomi duaan bermaksud menggalakkan dan mengadatkan 2 cara pentadbiran yang berbeza, juga memiliki oleh dua penjajah.

Jawapan yang diberi tidak dapat menerangkan maksud dwiekonomi yang sebenar. Calon menerangkan hal berkaitan pentadbiran.

(b) Pada pandangan anda, mengapakah dwiekonomi wujud di negara kita pada zaman penjajah?

Tugasan meminta calon mengemukakan pendapat sebab dwiekonomi wujud di negara kita pada zaman penjajah.

b) Pada pandangan saya, dwiekonomi wujud apabila negara dijajah dan kuasa luar. Ekonomi sara diri yang asalnya dilakukan oleh masyarakat Melayu. Apabila kedatangan penjajah yang inginkan bahan mentah telah melakukan ekonomi perdagangan secara besar-besaran untuk tujuan eksport ke negara luar.

Masyarakat Melayu yang lebih sesasa dengan amalan ekonomi sara diri enggan bekerja dengan penjajah. Hal ini menyebabkan penjajah menggalakkan dan membawa maksud imigran dari China dan India. Ertinya dengan itu, timbul ketidakseimbangan pembangunan di Tanah Melayu. Kawasan bandar membangun dengan pesat tetapi di kawasan luar bandar masih di dalam kepompong kemiskinan.

Penjajah yang melakukan ekonomi perdagangan hanya untuk kepentingan ekonominya sahaja. Perlombongan bijih timah secara besar-besaran menggunakan kapal kerek. Perusahaan tanaman getah untuk tujuan perindustrian. Ini berlaku akibat kewujudan perindustrian di Eropah.

Calon berjaya memberi pendapat sebab kewujudan dwiekonomi di negara kita pada zaman penjajah dengan fakta dan alasan yang kukuh beserta contoh-contoh yang berkaitan.

b) Pada pendapat saya, dwiekonomi boleh meningkatkan pendapatan negara. Dwiekonomi boleh meningkat jumlah pendapatan cukai British. Dwiekonomi juga meluaskan pasaran negara kita. Pada zaman dahulu, harga getah meruuh dari setahun ke setahun. Ini menyebabkan pendapatan sistem ekonomi tradisional tidak berkuan. Oleh itu, negara kita mengguna sistem dwiekonomi untuk menganti sistem ekonomi tradisional. Selain itu, sistem ~~ekonomi~~ dwiekonomi ialah cara dapat bekerjasama dengan negara lain. Sistem dwiekonomi membentuk rangkaian perdagangan untuk mengurangkan ~~perdagangan~~ ~~berbanding~~ berbanding dengan British. ~~Sistem ekonomi yang sistemik~~ Dwiekonomi ialah pengalaman ekonomi yang sistemik.

Jawapan di atas dapat menyatakan sebab kewujudan dwiekonomi di negara kita pada zaman penjajah tanpa disertakan dengan huraian.

b) Dwiekonomi wujud di negara kita pada zaman penjajah untuk menstabilkan ekonomi. Selain itu, untuk membentkan perelisihanfahaman antara dua negara kin. seterusnya, melaksanakan sistem politik yang berbeza. Selain itu, mendapatkan hasil yang berasingan. Di samping itu, terdapat juga pusat perdagangan yang berkesan. Malahan pulq, mendapatkan rakyat buruh pelbagai kaum. Justeru, tidak mempunyai pemimpin yang kewibawaan.

Calon memberikan alasan yang tidak berkaitan dengan kehendak tugas.

(c) (i) Apakah kesan dwiekonomi terhadap masyarakat tempatan?

Tugas menghendaki calon menyatakan kesan dwiekonomi terhadap masyarakat tempatan.

(c) i) Dwiekonomi telah memberi impak kepada masyarakat tempatan. Antaranya ialah hak istimewa peribumi terjejas dan kepada kemiskinan imigran dari China dan India.

Selain itu, masyarakat tempatan kekal mahluh kerana ekonomi tidak diselaraskan di kawasan luar bandar (hal ini menyebabkan ekonomi tanah Melayu kurang stabil). Masyarakat tempatan menjadi pembatal sumber makanan kepada kuasa Barat.

Seterusnya, masyarakat tanah Melayu sukar bertahu tentang kawasan pemukiman kaum Melayu, China dan India berbeza. Kaum Melayu di kawasan luar bandar. Kaum China di bandar melakukan perlombongan dan kaum India di ladang menoreh getah.

Ini menyukutkan perpaduan kaum dan kemerdekaan.

Calon dapat memberikan pelbagai kesan dwiekonomi terhadap masyarakat tempatan beserta huraian yang lengkap.

(c)(i) Kesan dwiekonomi terhadap masyarakat tempatan adalah cara tradisional terpusus. Hasil hutan akan diambil oleh penjajah. Dan juga tanaman tradisional terhampus. Seterusnya, pembesar hilang kuasa dan penduduk menjadi lebih miskin. Selain itu, penjajah tidak memberi hasil yang didapati kepada penduduk yang bertanam. Bukan itu sahaja, cara moden diamalkan pada zaman penjajah.

Calon dapat memberikan kesan dwiekonomi terhadap masyarakat tempatan tanpa huraian.

c) i) Penghasilan negara telah runtuh. Strategi yang digunakan telah tidak berjaya. Selepas banyak perubahan, ia telah berjaya. rakyat pula mengambil semua perubahan. Ekonomi pula menjadi mantap.

Jawapan di atas tidak memahami kehendak tugasan.

- (ii) Selepas merdeka, kerajaan berusaha untuk menangani kesan dweiekonomi. Berjayakah kerajaan menangani kesan tersebut? Berikan penjelasan anda.

Tugasan meminta calon menilai usaha kerajaan bagi menangani kesan dweiekonomi.

ii) Kerajaan berjaya menangani masalah dweiekonomi dengan menubuhkan FELDA bagi mengurangkan kadar kemiskinan rakyat dan meningkat produktivi masyarakat luar bandar. Selain itu, MARA ditubuhkan untuk memberi pinjaman kepada masyarakat luar bandar untuk memulakan perniagaan. Keseimbangan ekonomi dapat dicapai dan menjadikan Malaysia yang setarans. Sepertusanya, kerajaan membina bangunan dan kemudahan infrastruktur seperti rumah, jalan raya, landasan keretapi dan lain-lain. Hal ini bertujuan untuk mengatasi masalah dweiekonomi.

Jawapan calon berjaya membuktikan usaha kerajaan dalam menangani kesan dweiekonomi dengan memberikan alasan yang jitu.

Cii) Kerjasama berjaya kerana terdapat banyak ekonomi dengan syaja yang berjaya ditakutkan seperti perusahaan syarikat. Felda global venture yang merupakan syarikat dengan hasil paten. Hal ini tidak dihiraukan kerana ramai masyarakat tempatan mendambakan ekonomi dengan seperti get tenunan gotah, kelapa sawit dan nenas. Hal ini menyebabkan taraf hidup rakyat meningkat dan sumber pendapatan rakyat meningkat. Seterusnya, kerjasama juga membantu per paten untuk memulakan aktiviti paten yang berkesan ekonomi dengan dengan menyediakan kemudahan memajukan modal dan pemberian subsidi dari segi bajet dan aban paten. Selain itu, kerjasama juga menggalakan kepada paten secara kecil-kecilan untuk memulakan syaja untuk menjadikan sebagai paten berskala besar. Hal ini akan menyebabkan ekonomi dengan di katolaya meningkat. Selain itu, kerjasama juga membuka patempatan baru untuk memulakan aktiviti paten dengan yang dinamakan sebagai Felda.

Jawapan calon di atas berjaya menyatakan pendirian. Huraian yang diberikan calon tidak berapa sesuai dengan kehendak tugasan.

ii) Berjaya. Pemimpin telah mengeluarkan semua isu-isu yang tidak strategik dan menjadikan satu rakyat pada menyokong terhadap keputusannya. Rakyat juga mengambil balik semua perubahan yang telah dilakukannya. Menetapkan imaj yang baik terhadap negara lain. Pemimpin yang begitu cangkih dan ber sistematik. Ia mengadakan keputusan yang berkesan. Rakyat telah bekerjasama tempo mengita kaum dan bangsa untuk memajukan ekonomi yang telah turun.

Calon berjaya menyatakan pendirian berserta satu fakta tanpa disokong dengan huraian yang betul.

Soalan 9

- 9 Mulai 1 April 1951, Sistem Ahli diperkenalkan. Sistem Ahli merupakan peringkat separuh kementerian dan Ahli Majlis yang dilantik bertanggungjawab ke atas jabatan-jabatan dan kerajaan.

(Mohd. Isa Othman : *Sejarah Malaysia 1800-1963*)

(a) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.

Tugasan meminta calon menjelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.

a) Untuk merajuri atau melatih orang tempatan dalam mentadbir. Dasar dekolonisasi merupakan Kabinet bayangan dan dikenali ahli. Setiap ahli mempunyai portfolio tertentu. Menyediakan orang tempatan berkemampuan sendiri. Ada sembilan ahli.

Calon dapat menjelaskan ciri-ciri Sistem Ahli dengan jelas dan tepat.

a) Ciri-ciri sistem Ahli ialah bayangan kabinet. Selain itu, setiap ahli akan dapat portfolio. Di samping itu, ahli-ahli kabinet akan kuasa. Selanjutnya, ahli haruslah bertanggungjawab kepada jabatan-jabatan dan kerajaan. Selain itu, ahli haruslah bersedia bersikap rasional.

Calon dapat menjelaskan sebanyak dua ciri Sistem Ahli dan terdapat pengulangan isi yang sama.

a) Ciri-ciri Sistem Ahli ialah merupakan daripada ahli-ahli iaitu kabinet bayangan. Mereka merupakan ahli-ahli politik yang bertanding. Mengadatkan sistem politik yang strategik untuk dituntuni oleh kabinet-kabinet. Mereka pula menjadikan diri sebagai pegawai pelayan pelantikan negara.

Calon hanya dapat menjelaskan satu ciri Sistem Ahli sahaja.

(b) Jelaskan latar belakang penubuhan Sistem Ahli.

Tugasan meminta calon menjelaskan latar belakang penubuhan Sistem Ahli.

b) Idea penubuhan sistem ahli diberi oleh Dato Onn * Ja'afar. Penubuhan Sistem Ahli dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja Melayu. Penubuhan Sistem Ahli dicadangkan memodalkan negara Kenya dan Rhodesia Utara. Penubuhan Sistem Ahli ditubuhkan supaya "Ahli" dapat melahirkan kejayaan sendiri. Selain itu, dapat membantu dalam mentadbir negara.

Calon dapat menjelaskan latar belakang penubuhan Sistem Ahli mengikut susunan yang mudah difahami.

b) latar belakang penubuhan sistem ahli ialah tarikh penubuhan ini ialah 1 April 1951. Idea cetusan oleh Dato Onn bin Jaafar. Sistem Ahli merupakan peringkat separuh kementerian dan ahli Majlis yang dilantik ~~menjadi~~ bertanggungjawab ke atas jabatan-jabatan dan kerajaan. Tujuan penubuhan ini adalah untuk membenarkan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Calon hanya mampu menjelaskan dua peristiwa yang membawa kepada penubuhan Sistem Ahli.

a) Latar belakang penubuhan sistem Ahli ialah kesan daripada rundingan Merdeka ke London. Pemerintahan secara pertama untuk suatu perundangan sebelum pilihan raya. Rakyat perlu memilih kabinet-kabinet yang mereka sukai. Ia adalah suatu perundangan awal atau pengetahuan awal kepada rakyat. Pelbagai kaum ~~sekarang~~ telah dipilhnyat. Mengeratkan perpaduan antara pelbagai pertauman.

Calon tidak menjawab kehendak tugas. Calon menjelaskan hal berkaitan rundingan kemerdekaan ke London dan pakatan murni.

- (c) (i) Jika anda sebagai seorang Ahli dalam sistem tersebut, jelaskan tindakan anda untuk memanfaatkan peluang tersebut bagi mempertahankan hak dan maruah bangsa.

Tugas meminta calon memberikan cadangan tindakan yang akan dilakukannya bagi mempertahankan hak dan maruah bangsa sekiranya calon adalah seorang Ahli.

c) (i) Saya akan sentiasa menjaga kebebasan masyarakat. Kedua, saya akan ^{mamital serta} melaksanakan tugas atau portfolio saya dengan kewajipan dan sempurna. Ketiga, saya akan mencadangkan cadangan saya dan berbincang dengan ahli lain untuk melindungi rakyat. Keempat, saya akan sentiasa menjaga keselamatan negara. Kelima, saya akan mengutamakan keamanan negara dan mengelak berlaku pergadahan dan bermusuhan antara rakyat. Keenam, saya akan melindungi setiap rakyat tanpa mengira kaum. Ketujuh, saya akan menyalahi kes rasuah. Kelapan, saya akan mengadakan kempen untuk membuka minda rakyat. Kesembilan, saya akan bertanggungjawab ~~terhadap~~ ^{dan menganal} perlakuan yang saya lakukan. Kesepuluh, memastikan rakyat tidak sentuh isu sensitif. Kesebelas, ~~mengutamakan~~ memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat dengan program yang berkaitan.

Jawapan yang diberi dapat menyatakan pelbagai tindakan yang akan diambil bagi mempertahankan hak dan maruah bangsa secara tepat dan jelas.

c) i) Jika saya sebagai seorang Ahli dalam sistem tersebut saya akan bersikap rasional. Saya akan berfikir dahulu sebelum saya membuat suatu keputusan. Selain itu saya akan cinta akan negara. Contohnya, saya akan berbaris untuk negara jika pertaruhan perlu. Di samping itu, saya akan ~~bertanggungjawab~~ bertanggungjawab kepada jabatan-jabatan, kerajaan dan negara. Saya akan melaksanakan tugas yang baik untuk negara. Seterusnya, saya akan kesetiaan kepada raja. Selain itu, saya akan kesetiaan kepada negara. Di samping itu saya akan kedaulatan undang-undang. Seterusnya saya akan bertingkah laku yang baik.

Calon hanya menjelaskan tiga tindakan yang akan diambil olehnya bagi mempertahankan hak dan maruah bangsa sekiranya calon adalah seorang Ahli.

Jika saya sebagai Ahli dalam sistem tersebut, ~~tersebut~~
 c) i - 1 tindakan saya untuk memanfaatkan peluang tersebut bagi memperfahankan hak dan maruah bangsa ialah semangat bekerjasama dan hormat-menghormati sesama bangsa. Seterusnya, adanya sikap semangat setia kawan. Begitu juga dengan adanya kesetiaan kepada negara.

Calon hanya dapat mengemukakan satu tindakan sahaja.

(ii) Adakah pelaksanaan Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan?

Berikan penjelasan anda.

Tugasan meminta calon membuat dan penjelasan sama ada Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan.

9 (c)(ii) Ya. Kerana sistem ahli memberi perlindungan kepada rakyat tempatan. Sistem ahli juga berperanan dalam menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan kecil. Sistem ahli juga memberikan kebaikan kepada rakyat jelata. Pelaksanaan sistem ahli membantu dalam perjuangan hak dan maruah bangsa. Sistem ahli juga bertindak sebagai tunjang belakang bagi memastikan masyarakat tempatan hidup dengan selusa. Seterusnya, sistem ahli juga ^{berjumpa} dengan masyarakat tempatan untuk menyuarakan pendapat sendiri.

Calon menyatakan pendiriannya dan mengemukakan beberapa pendapat tentang kebaikan Sistem Ahli kepada masyarakat tempatan.

c) ii) Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan kerana akan dapat orang yang bertanggungjawab kepada negara. Selain itu, akan dapat orang yang bersikap cinta akan negara. Di samping itu, visi negara akan terdapat : jaya. Seterusnya, misi negara akan dijaya. Selain itu, negara kita akan jadi negara yang maju. Seterusnya, ekonomi negara kita akan meningkat.


Calon menyatakan pendiriannya dan mengemukakan tiga kebaikan Sistem Ahli kepada masyarakat tempatan.

ii) Sistem Ahli telah memberi banyak kebaikan. Ia memberikan pengenalan rakyat terhadap pilihan raya. Ia juga meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran baharu. Seterusnya, memberi segala penyumbang

Calon menyatakan pendiriannya dan mengemukakan satu kebaikan Sistem Ahli kepada masyarakat tempatan.

Soalan 10

10 Gambar 1 menunjukkan suasana di sebuah pusat pembuangan undi dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia.



Gambar 1

(a) Nyatakan proses pilihan raya yang dilaksanakan di negara kita.

Tugasan menghendaki calon menyatakan proses pilihan raya yang dijalankan di negara kita.

a.	Proses pilihan raya yang dilaksanakan di negara kita ialah 5 tahun sekali. Calon yang hendak membuat pertandingan mesti membuat pendaftaran calon. Seterusnya mereka hendak mempromosikan diri mereka. Boleh mengadakan ceramah atau teklif. SPR akan menetapkan tarikh pengundian. Rakyat yang sudah mendaftarkan sebagai pengundi harus membuat undian. Seterusnya akan mengundi.
----	---

Calon berjaya menyatakan proses pilihan raya yang dijalankan di negara kita dengan cara tersusun dan menepati kehendak tugasan.

Bukti pilihan raya di negara kita dilaksanakan secara adil ialah keadilan yang dilakukannya adalah keputusan yang diumumkan adalah hasil undian dan persetujuan semua pihak. Selain itu, terdapat Suruhanjaya Pilihan Raya yang mengawal di kawasan sekeliling. Seterusnya, undian masing-masing adalah rahsia supaya tidak menimbulkan pergaduhan. Akhir sekali, kesemua parti dibenarkan berkempen untuk menarik minat orang ramai.

Calon hanya berupaya menyatakan tiga bukti yang menunjukkan proses pilihan raya di negara kita dijalankan secara adil.

b) Bukti pilihan raya dilaksanakan secara adil adalah dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan, iaitu pertama dengan penamaan calon, selain itu, memilih calon yang layak untuk bertanding iaitu salah satunya tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam. Penglibatan warga asing yang bukan warganegara Malaysia tidak layak untuk mengundi.

Contoh jawapan yang terpesong. Calon menjelaskan proses pilihan raya.

(c) (i) Mengapakah pilihan raya penting kepada negara kita?

Tugasan menghendaki calon menyatakan kepentingan pilihan raya kepada negara kita.

c) (i) Kita negara demokrasi. Rakyat terlibat dalam pentadbiran secara tidak langsung. Merupakan proses rakyat memilih kerajaan untuk memerintah DUN atau ~~Pertanian~~ Persekutuan. ~~Ke~~ Kuasa pemerintah dalam tangan rakyat. Dapat melindungi hak rakyat. Kebebasan rakyat dijamin. Supaya rakyat puas hati dengan kerajaan. Untuk membentuk sebuah negara yang majmuk dan harmoni. Supaya perpaduan dapat digalakkan. Negara akan aman. Keadilan dapat dijamin. Supaya tidak berlaku kes pengangguran. Ekonomi tidak dikuasai oleh negara lain. Kelcaayaan hasil bumi dinikmati sendiri. Supaya tidak senang dijarah oleh negara lain. Supaya ekonomi maju. Supaya rakyat bekerjasama. Supaya rakyat taat dan setia kepada negara. ~~Supaya~~ ~~barang~~ penentangan dikurangkan. Kebajikan rakyat dijaga. Supaya bangga kepada negara sendiri.

Jawapan di atas berjaya menyatakan pelbagai kepentingan pilihan raya di negara kita dengan tepat.

c) i) Pilihan raya penting kepada negara kita kerana pilihan raya yang ~~baik~~ yang adil akan ~~jadi~~ jadi negara ~~test~~ kita sebuah negara yang maju. Selain itu, negara bangsa ~~test~~ kita akan bersatu padu. Di samping itu, pendapatan masyarakat akan meningkat. Setemunya, visi dan misi negara akan terdapat dijangka. Selain itu, ~~ekonomi~~ ekonomi negara akan meningkat. Di samping itu, masyarakat negara kita akan dapat meningkatkan ~~gaji~~ ~~gaji~~ taraf hidup mereka.

Calon berjaya menyatakan empat kepentingan pilihan raya kepada negara kita.

Pilihan raya penting kepada negara kita kerana pilihan raya yang akan menentukan siapa pemimpin kita. Ianya juga penting kerana rakyat mempunyai hak untuk memilih siapa pemimpin mereka. Selain itu, menunjukkan negara kita mempunyai sistem yang bertekanan.

Pilihan raya juga penting kerana ianya bakal menentukan siapa pemimpin yang akan memimpin negara kita.

Jawapan calon hanya menyatakan dua kepentingan pilihan raya kepada negara kita.

- (ii) Terdapat segelintir rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda masih tidak mendaftar sebagai pengundi.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku?
Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.

Tugasan menghendaki calon menyatakan sebab segelintir generasi muda yang masih tidak mendaftar sebagai pengundi. Calon juga diminta memberikan cadangan bagi mengatasi masalah tersebut.

c) ii) Pada pendapat saya, rakyat Malaysia kurang diberi pendedahan dalam isu tentang kepentingan mengundi. Selain itu, mereka menganggap pilihannya hanya perkara yang kecil dan patut diambil mudah. Seterusnya, mereka sibuk dengan kerjaya mereka. Akhir sekali, masalah politik yang kian meruncing di negara kita yang tidak ^{ada jalan penyelesaian} ~~pernah selesai~~. Antara usaha yang boleh dijalankan ialah kerajaan perlu menjalankan kempen tentang kepentingan mengundi. Selain itu, pihak kerajaan atau majikan haruslah memberikan cuti umum kepada pekerja ^{hari} ~~semasa~~ proses pengundian dijalankan. ^{Akhir sekali,} ~~di samping~~ itu, pihak kerajaan dan pembangkang haruslah mewujudkan satu persa persepahaman politik demi kebaikan negara.

Jawapan calon di atas dapat menjelaskan sebab generasi muda tidak mendaftar sebagai pengundi dan memberikan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah tersebut dengan tepat.

ii) Mengadakan kempen kesedaran. Menyelitkan isu ini dalam sukatan pelajaran. Mengenaikan denda kepada warganegara yang tidak mengundi. Melebuhkan lagi kemudahan pengundian. Menyarikan lebih banyak iklan tentang perkara ini daripada sekarang. Memperbanyakkan stesen undian bergerak kepada warga emas. Mengesan warganegara yang tidak mengundi dan hantar mereka ke sesi kaunseling tentang hak sebagai warganegara.

Jawapan yang diberi hanya memenuhi sebahagian daripada tugas soalannya iaitu hanya menyatakan cadangan bagi mengatasi masalah generasi muda tidak mendaftar sebagai pengundi.

c(ii) Harus mempunyai kad pengenalan dan merupakan warganegara Malaysia. Ibu bapa haruslah memberi nasihat kepada anak-anak yang sudah berumur dua puluh satu tahun dan suruh mereka berdaftar untuk membuat pengundian.

Calon hanya menjawab sebahagian daripada kehendak tugas. Calon hanya menyatakan satu cadangan sahaja.

11 (a) Jelaskan maksud globalisasi.

Tugas menghendaki menjelaskan maksud globalisasi.

Globalisasi bermaksud dunia tanpa sempadan. Hal ini akibat perkembangan teknologi maklumat. Barangan modal dan tenaga kerja dapat melintasi sempadan dengan pantas. ~~Aspek~~ Ilmu pengetahuan merupakan aspek penting dalam globalisasi.

Jawapan calon di atas dapat menjelaskan maksud globalisasi dengan baik.

a) maksud globalisasi.

Dunia yang maju dengan teknologi maklumat ICT. Dunia yang tanpa sempadan dalam mengakses internet. Globalisasi ini turut dikatitkan dengan koridor raya Multimedia.

Penjelasan maksud globalisasi yang dikemukakan calon memenuhi sebahagian daripada kehendak tugas.

a) maksud globalisasi

Globalisasi ialah satu undang-undang untuk memajukan sesebuah negara. Selain itu, globalisasi ialah seseorang yang merancang untuk menjaga keamanan negara dan untuk mencapai wawasan 2020.

Penjelasan yang dikemukakan calon tidak menepati maksud sebenar globalisasi.

(b) Adakah globalisasi merupakan satu ancaman terhadap negara kita?

Berikan pendapat anda.

Tugas meminta calon menyatakan pendirian dan pendapat sama ada globalisasi merupakan satu ancaman terhadap negara kita.

Ya. Globalisasi akan mengurangkan peluang pekerjaan. Negara akan lebih memberi perhatian kepada penggunaan teknologi dan hal ini akan mengurangkan ketergantungan kepada tenaga kerja. Globalisasi juga akan meningkatkan jurang antara penduduk luar bandar dan bandar. Penduduk bandar yang menyayangi globalisasi dan teknologi maklumat akan menjadi jauh lebih canggih daripada penduduk luar bandar dan wujudnya jurang besar, ~~atau~~. ~~Sebaliknya, globalisasi~~ juga sebaliknya, globalisasi juga mendatangkan faedah. Teknologi maklumat dapat menyebarkan maklumat luas dan cepat tanpa sempadan. Selain itu, Globalisasi juga meningkatkan tahap hidup dan produktiviti dengan penggunaan teknologi maklumat seperti Internet dan komputer.

Calon menjelaskan globalisasi dari dua sudut yang berbeza iaitu ancaman terhadap negara dan memberi faedah kepada negara. Kedua-dua sudut tersebut disokong dengan alasan yang munasabah.

Ya, kerana globalisasi juga mempunyai keburukannya. Satu ancaman terhadap Negara Malaysia ialah cara hidup dan budaya masyarakat Barat yang tidak sesuai pada generasi Muda. Contohnya pakaian yang tidak menutup aurat dan meminum arak adalah dilarang dalam Islam. Oleh itu, kita mestilah mendapat pendidikan yang agama yang secukupnya agar tidak berlaku keruntuhan ahlak dan dapat ^{di}menjauhi - kacirkan negara.

Calon menyatakan pendiriannya dan memberi alasan globalisasi memberi ancaman kepada negara.

pada pendapat saya, globalisasi ini dapat diatasi sekiranya pemimpin
boleh memberi amaran atau teguran kepada rakyat. Masyarakat
boleh mengawasi orang-orang mereka ^{supaya} tidak terpengaruh
dengan globalisasi. ~~tidak mudah~~ ^{akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap}
individu. Mereka boleh diawasi jika kita tahu memanfaatkan nya.

Calon tidak menyatakan sebarang pendirian dan tidak memahami konsep globalisasi.

(c) (i) Bagaimanakah generasi muda memanfaatkan globalisasi?

Tugasan menghendaki calon menyatakan cara generasi muda boleh memanfaatkan globalisasi.

Generasi muda boleh memanfaatkan globalisasi untuk meluaskan ilmu pengetahuan dengan menggunakan wahana ~~internet~~ internet.

Generasi muda juga boleh mengetahui perkembangan semasa yang berlaku di dunia.

Selain itu, generasi muda juga dapat bertukar pendapat dengan pihak lain dari seluruh dunia tentang isu-isu semasa.

Globalisasi juga memberikan peluang kepada generasi muda untuk mengetahui ~~fakta-fakta~~ tentang cara hidup orang lain di seluruh dunia.

Seterusnya, globalisasi membolehkan generasi muda berkomunikasi dengan orang lain di seluruh dunia secara pantas, mudah dan berkesan.

Di samping itu, globalisasi memberi peluang kepada generasi muda untuk menyertai pertandingan-pertandingan pada peringkat antarabangsa.

Generasi muda juga boleh memanfaatkan globalisasi dengan menggunakannya untuk memperkaya diri dengan ilmu pengetahuan.

Generasi muda juga boleh memanfaatkan globalisasi untuk mencipta nilai baru yang akan membawa kemajuan kepada negara.

Jawapan di atas mampu menyatakan faedah yang boleh dimanfaatkan daripada globalisasi dengan tepat. Fakta diuraikan dengan menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan gramatis. Cara penulisan yang tersusun dan menggunakan sistem perenggan yang betul.

(c) Generasi muda dapat mencari maklumat melalui Internet. Generasi muda dapat berhubung dengan keluarganya semasa di luar negara. Selain itu, generasi muda dapat mendapat ~~mak~~ segala maklumat ~~mak~~ melalui Internet. Generasi muda akan lebih ~~berp~~ berupaya untuk ~~ber~~ bersaing dengan negara lain. Di samping itu, generasi muda ~~boleh~~ ~~meng~~ dengan adanya teknologi maklumat, generasi muda dapat menjalankan kerja dengan lebih ~~ber~~ cepat dan berkesan. Generasi muda juga dapat memperoleh ~~mak~~ maklumat yang baru pada ~~mari~~ masa ini.

Calon dapat mengemukakan sebanyak empat fakta. Tetapi terdapat dua fakta yang berulang.

i) generasi muda memanfaatkan globalisasi.

- generasi muda pada masa kini mestilah belajar bersungguh-sungguh untuk menaikkan nama ~~negara~~ ~~dit~~ ~~ter~~ Malaysia. Selain itu, generasi muda juga telah mencuba untuk pelbagai jenis sukan untuk menjadikan Malaysia ~~ter~~ adalah negara yang tersohor di mata dunia. Seterusnya, generasi muda boleh mengingati perjuangan masyarakat pada masa ~~dulu~~ untuk mendapatkan kemerdekaan.

Calon hanya dapat mengemukakan satu manfaat yang diperoleh daripada globalisasi.

(ii) Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani cabaran globalisasi.

Sejauh manakah langkah tersebut berkesan untuk memberi manfaat kepada kemajuan negara dalam era globalisasi?

Tugasan meminta calon menilai keberkesanan langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memberi manfaat kepada kemajuan negara dalam era globalisasi.

Antara langkah yang telah diambil untuk menangani cabaran globalisasi ialah mewujudkan sekolah wawasan. Langkah ini amat berkesan dalam memupuk peyoduan dalam kalangan murid.

Seterusnya, kerajaan juga telah menubuhkan sekolah bertan. Langkah ini amat berkesan dalam membenarkan peluang ~~kepada~~ kepada murid untuk memanfaatkan prasarana ICT dan seterusnya melahirkan murid yang reli ICT.

Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Koridor Raya Multimedia yang merangkumi kawasan dari KRC hingga KUA. Langkah ini amat berkesan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk.

Kerajaan telah berusaha membangunkan kawasan luar bandar. Langkah ini telah membantu mereka meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar dalam era globalisasi.

Pengunaan ICT dalam pentadbiran negara telah memantapkan lagi ~~per~~ sistem pentadbiran negara serta meningkatkan kereaktifan negara.

Program e-pendidikan yang dilaksanakan oleh negara telah meningkatkan taraf pendidikan negara kita ~~se~~ setaraf dengan negara maju.

Program e-dagang telah menjadikan negara kita pusat perdagangan antarabangsa serta memajukan pendapatan negara.

Calon mampu menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan membuat penilaian tentang keberkesanan langkah tersebut untuk kemajuan negara.

- Langkah pertama yang bertepatan ialah kerajaan telah berjaya menyetupkan semua kaum untuk dijadikan 1 Malaysia. Selain itu, cabaran membangukan ekonomi negara. Kerajaan berbilang-suku-suku menyempatkan remanjer kerjasama antara pekerja. Seterusnya, kerajaan telah mengadakan kempen yang kesedaran era globalisasi.

Jawapan di atas hanya menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menangani cabaran globalisasi. Calon tidak membuat penilaian terhadap keberkesanan langkah tersebut.

Kerajaan kita tidak melaksanakan langkah bagi memanfaatkan globalisasi secara sebilah dan sebaliknya telah mengisolasi diri daripadanya. Antaranya adalah kerajaan tidak mewujudkan sistem pendidikan yang ~~ber~~relevan terhadap zaman globalisasi ini dan seterusnya mengurangkan daya bersaing dengan negara serantau. Selain itu, kerajaan masih mengamalkan sifat protectionisme bagi melindungi industri-industri daripada terpaksa bersaing seperti yang terhadap ~~kereta~~ industri automobil kebangsaan iaitu Proton kerana tarif besar kereta luaran dan harga kereta yang masih lagi mahal.

Kerajaan tidak dapat memenuhi rakyat yang ingin mengembangkan potensi diri akibat sistem bipilih kasih dan tidak sama rata dalam pendidikan tinggi telah menyebabkan pengaliran bakat ke luar negara dan masih lagi mengimport buruh asing untuk sektor pertanian, perikanan dan pembinaan. Seterusnya, kerajaan tidak bersedia membukakan diri dalam ~~pen~~ penarikan modal dengan polisi yang kurang adil. Akhirnya, kerajaan gagal memberteraskan gejala ~~rasuah~~ rasuah yang melemahkan pentadbiran negara.

Calon tidak menjawab kehendak tugas. Calon tidak menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani cabaran globalisasi.

SARANAN KEPADA CALON

1. Semua tema perlu dikuasai oleh calon.
2. Calon perlu mengelakkan daripada bergantung pada soalan ramalan.
3. Calon perlu memperbanyak latihan menggunakan soalan-soalan SPM yang sebenar dan soalan-soalan percubaan negeri.
4. Calon juga perlu memperbanyak perbincangan sesama rakan.
5. Calon perlu memahirkan diri dengan soalan berbentuk KBKK yang menawarkan markah yang agak tinggi.
6. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
7. Calon perlulah menyenaraikan isi ringkas sebelum menjawab soalan.
8. Jawapan calon sebaik-baiknya haruslah dibuat dalam bentuk perenggan. Setiap isi seharusnya dihuraikan dengan lengkap dan sesuai. Calon perlu masukkan contoh yang berkaitan.
9. Calon digalakkan menulis menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan gramatis.
10. Tulisan calon perlulah bersih dan senang dibaca oleh pemeriksa.
11. Calon perlu mengetahui teknik menjawab Kertas 2 seperti memahami kata tugas dan kehendak soalan.
12. Calon perlu mengelakkan menulis jawapan menggunakan ayat ringkas dan tidak gramatis.
13. Calon perlu memastikan pengurusan masa yang betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
14. Calon perlu mengetahui isu-isu semasa bagi menjawab soalan-soalan yang berbentuk KBKK.
15. Calon perlu berusaha mengeluarkan idea yang bernas bagi menjawab soalan bersifat HOTS.

SARANAN KEPADA GURU

1. Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi keseluruhan tema yang terdapat dalam sukatan pelajaran.
2. Pelajar perlu didedahkan dengan cara menjawab soalan yang betul dan tepat.
3. Guru perlulah memastikan pelajar menggunakan sistem perenggan sewaktu mengarang jawapan.
4. Guru mestilah memastikan pelajar tidak menjawab soalan dalam bentuk '*point form*'.
5. Baiki kelemahan calon dan pertingkatkan prestasi mereka dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
6. Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya menyelesaikan sukatan pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi yang berkesan dapat dilaksanakan.
7. Guru mestilah mengajar berdasarkan pendekatan 'student centric' dan tidak boleh berpusatkan guru.
8. Jadikan Sejarah satu subjek yang menyeronokkan dan cuba tingkatkan minat pelajar terhadap subjek ini.
9. Guru seharusnya menggalakkan pelajar melaksanakan proses penemuan dan penyiasatan sendiri bagi mencari bahan sejarah.
10. Guru seharusnya memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan soalan yang berbentuk KBKK dan HOTS seawal di tingkatan empat lagi.
11. Guru seharusnya melatih pelajar membina ayat yang berlapis-lapis. Sesuatu fakta semestinya dihuraikan selengkapnya.